

Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (Readiness of Islamic Education Teacher in Selangor's Primary School in the Implementation of KBAT in Teaching and Learning)

W. A. Wan Ismail^{*,a}, M. I. Hamzah^b and M. A. Lubis^c

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor, Malaysia
^{*,a}amirah.ismail86@gmail.com, ^bisa@ukm.edu.my, ^cmaimunaqsha@ukm.edu.my

Abstrak - Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang telah dijalankan terhadap guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah di daerah Seri Kembangan, Selangor. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat kepada dua aspek utama iaitu mengenal pasti tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru-guru Pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian tinjauan apabila reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Responden kajian ialah seramai 37 orang guru dan menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat pengukuran. Data yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan dianalisis dengan menggunakan IBM SPSS Versi 22.0 yang melibatkan skor min, sisihan piawai, peratusan dan frekuensi. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan pengetahuan guru Pendidikan Islam adalah pada aras tinggi dengan skor (min = 4.04 dan S.P = 0.71) manakala tahap kesediaan guru bagi aspek kemahiran mencatatkan nilai (min = 4.09 dan S.P = 0.43) juga pada tahap yang tinggi. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah, pengkaji dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan pelbagai rancangan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran guru-guru khususnya guru Pendidikan Islam dalam usaha untuk meningkatkan kejayaan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam matapelajaran Pendidikan Islam bagi memenuhi keperluan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Kata kunci: Tahap kesediaan guru, pengetahuan, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

Abstract - This study is a survey that was conducted against teachers of Islamic education in primary schools in Seri Kembangan, Selangor. The purpose of this study was to look at the two key aspects of identifying the level of knowledge of teachers and teacher-readiness skills Islamic Education teachers on the application of higher order thinking skills (HOTS) in the teaching and learning of Islamic Education. This study is a survey when the design of this study is using the questionnaire. The number of respondents is a total of 37 teachers and use the questionnaire as a measurement tool. Data obtained from the questionnaires were analyzed using SPSS version 22.0 involving mean, standard deviation, percentage and frequency. The findings show that the level of knowledge of teachers of Islamic education is at a high level with a score (mean = 4.04 and S.P = 0.71), and the readiness of teachers for skills recorded values (mean = 4.09 and S.P = 0.43) also at a high level. This study is expected to help the schools, researchers and Section Curriculum Islamic Education and Moral Education, the Ministry of Education to provide a variety of plans to increase the knowledge and skills of teachers,

especially teachers of Islamic education in order to enhance the success of the application of higher order thinking skills (HOTS) in lessons on Islam to meet the requirements of the National Education System for the 21st Century (SPN 21). Copyright © 2016 Penerbit Akademia Baru - All rights reserved.

Keywords: level of readiness of the teacher, knowledge, higher order thinking skills (HOTS)

1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan yang sentiasa mengalami perubahan menuntut generasi pelajar kini melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran antaranya kemahiran berfikir dalam menghadapi cabaran abad ke-21 yang semakin sengit dan mencabar. Melalui penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), individu dapat menjana idea baru yang dapat menyumbang kepada keberhasilan produk baru dalam industri teknologi seterusnya dapat membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara. Menyedari akan kepentingan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan kesedaran tentang perlunya pelajar menguasai kemahiran berfikir bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara telah mendorong Bahagian Pendidikan Guru memperkenalkan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir dalam proses pengajaran. Som dan Dahalan [85] telah menyatakan penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran di dalam bilik darjah merupakan satu inovasi dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Seiring dengan kepentingan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam konteks pendidikan Negara, mata pelajaran Pendidikan Islam tidak terlepas daripada memainkan peranan yang penting dalam menerapkan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Guru Pendidikan Islam sebagai nadi penggerak seharusnya menyebatkan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajarannya. Ini bertepatan dengan Falsafah Kurikulum Pendidikan Islam itu sendiri iaitu ia bukan sahaja membantu pelajar ke arah memperoleh ilmu pengetahuan tetapi juga ke arah memperkembangkan daya berfikir berpandukan al-Quran dan as-Sunnah (Semakan Kurikulum Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, 2003).

Oleh yang demikian, dalam usaha mengintegrasikan kemahiran berfikir dalam matapelajaran di sekolah-sekolah di Malaysia, guru Pendidikan Islam khususnya perlulah mempunyai domain-domain asas antaranya ilmu pengetahuan tentang matapelajaran, kemahiran terhadap pengajaran kemahiran berfikir dan sikap yang sesuai di samping kesediaan guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut yang dilihat sebagai salah satu elemen utama yang menentukan kejayaan atau kegagalan inovasi tersebut [70]. Namun demikian, pelaksanaan pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam masih kurang diamalkan.

Penyebatian kemahiran berfikir menjadi keperluan penting kepada para pelajar supaya mereka menjadi lebih aktif serta membantu para pelajar berusaha dalam menentukan matlamat mereka sendiri. Bagi menjayakan hasrat murni ini, guru sebagai penggerak utama dalam proses pendidikan di sekolah telah diamanahkan untuk melaksanakan hasrat dan cita-cita negara dalam usaha membina dan membentuk minda generasi muda supaya mempunyai ketahanan mental dan mempunyai daya fikir menjelang tahun 2020.

Berdasarkan kajian yang dijalankan mendapati aktiviti berpusatkan kepada guru adalah aktiviti dominan yang dijalankan dalam proses pengajaran di dalam bilik darjah. Guru-guru kurang menyebatkan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jadi tidak hairanlah apabila Wan Fatimah [100] mendakwa sikap guru yang tidak mengajar pelajarinya

kemahiran mencari, memahami dan menganalisis adalah sukar diubah, merugikan pelajar dan tidak profesional.

Dapatan ini selari dengan laporan yang dikemukakan daripada Perunding Kestrel Education, England dan 21st Century School, di Amerika Syarikat pada 2011 yang mendapati tahap kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih berada di tahap rendah. Maka, persediaan penerapan kemahiran berfikir (KBAT) dalam kurikulum di Malaysia telah dibuat menerusi Program i-THINK yang dimulai dengan 10 buah sekolah rintis pada tahun 2011 kemudian diteruskan kepada semua sekolah pada 2014.

Banyak kajian berkaitan pelaksanaan kemahiran berfikir telah dijalankan terutamanya dalam matapelajaran sains dan matematik tetapi dalam subjek Pendidikan Islam masih kurang kajian berkenaan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi dijalankan di sekolah-sekolah terutamanya di sekolah rendah. Kebanyakan kajian yang dijalankan banyak berkisar pada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Justeru, penulis melihat tentang keperluan dilaksanakan kajian berkenaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam kerana ianya bersesuaian dengan kehendak dan situasi dunia pendidikan masa kini.

Oleh yang demikian, penulis mendapati satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesediaan pengetahuan guru dan kemahiran terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengetahuan dan kemahiran terhadap penerapan KBAT

Kemahiran berfikir merupakan antara kemahiran yang sangat diutamakan dalam kurikulum pengajaran abad ke-21. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terkecuali mengambil langkah yang sama dengan Negara-negara maju yang lain bagi melaksanakan kemahiran berfikir secara proaktif dalam kurikulum pendidikan Negara dengan memberi penekanan kepada beberapa elemen seperti aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti nasional bukan setakat menguasai tiga kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira sahaja.

Beberapa kajian berkenaan dengan kemahiran berfikir telah dijalankan bagi melihat keupayaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan amalan pengajaran terhadap penerapan kemahiran berfikir dalam matapelajaran [63, 78, 87] termasuklah matapelajaran Pendidikan Islam [56, 64]. Keseluruhan daripada dapatan kajian menunjukkan kesediaan dan amalan pengajaran atau penerapan kemahiran berfikir dalam kalangan guru masih kurang memuaskan.

Antara faktor yang menyebabkan kurangnya pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam bilik darjah ialah faktor pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Menurut pengkaji lepas, para guru didapati masih kurang pengetahuan khususnya tentang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kurang kemahiran terhadap penerapannya serta sikap guru yang tidak menunjukkan komitmen yang tinggi untuk melaksanakannya. Kajian Kamarul Azmi Jasmi et. al terhadap Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) mendapati Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) kurang mengaplikasikan kaedah pengajaran yang dapat meningkatkan pemikiran kreatif seperti *brainstorming*, meramal masa depan, pengurusan peta

minda, projek dan permainan walhal kemahiran yang terdapat dalam pemikiran kreatif dapat merangsang pemikiran aras tinggi pelajar.

Seharusnya, guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk disesuaikan dengan tajuk dan tema yang dipilih agar ianya bersesuaian serta menarik perhatian dan minat murid dan seterusnya memberi impak terhadap pengajaran dan pembelajaran yang diikuti. Hakikatnya, guru Pendidikan Islam masih mengekalkan kaedah pengajaran bercorak konvensional yang disifatkan berpusatkan guru, malahan terdapat guru yang tidak menggunakan sebarang bahan bantuan mengajar sewaktu mengajar.

Bloom [13] telah mengenal pasti beberapa kemahiran asas yang dikenali sebagai kemahiran kognitif “berfikir aras rendah” yang meliputi peringkat pengetahuan dan pemahaman manakala kemahiran kognitif “berfikir aras tinggi” iaitu peringkat aplikasi, analisis, penilaian dan evaluasi (reka cipta). Bloom [13] mencadangkan bahawa keupayaan dan kemahiran berfikir dapat dibangunkan dengan cabaran kognitif. Bagi menggalakkan kanak-kanak berfikir dengan lebih mendalam dan meluas, guru-guru boleh mencabar daya pemikiran kanak-kanak. Bloom menyatakan “*Seorang guru yang baik adalah yang membuat anda berfikir..walaupun anda tidak mahu. Salah satu cara untuk menjadi seorang guru yang baik ialah dengan bertanya soalan yang mencabar pemikiran kanak-kanak*”. [56].

Oleh itu, para guru hendaklah sentiasa melengkapi diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi berkenaan dengan kemahiran berfikir. Menurut pengkaji lepas, pengetahuan adalah sesuatu informasi atau maklumat yang diketahui atau disedari oleh seseorang serta ianya adalah pelbagai gejala yang ditemui dan diperolehi oleh manusia melalui pengamatan akal. Merriam-Webster [54] menyatakan pengetahuan adalah fakta-fakta atau idea yang diperolehi dengan belajar, penyiasatan, pemerhatian atau pengalaman. Penyelidik menyatakan maksud pengetahuan dalam kajian ini ialah kefahaman guru Pendidikan Islam tentang elemen-elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berdasarkan aras Taksonomi Bloom dan ilmu-ilmu yang dipunyai oleh guru-guru Pendidikan Islam tentang kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Penyoalan dan pertanyaan merupakan antara kaedah dan teknik yang dapat menggalakkan pelajar berfikir. Namun, soalan-soalan yang dikemukakan haruslah berasas tinggi. Soalan-soalan yang diutarakan oleh guru haruslah dapat mencungkil pengetahuan dan idea pelajar dan mengukuhkan pelajaran yang disampaikan oleh guru di samping dapat menguji atau menilai apa yang telah disampaikan oleh guru semasa proses PdP. Tegasnya seorang guru yang mahir adalah seorang penyoal yang berkesan kerana beliau dapat menggunakan soalan-soalan yang membimbing pelajar, memberikan idea-idea yang jelas, mengembangkan potensi berfikir serta dapat menggerakkan daya imaginasi pelajar.

Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh para guru sangat signifikan terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi di kalangan para pelajar. Sebenarnya kemahiran berfikir aras tinggi ini bukanlah sesuatu yang baharu kepada para guru kerana mereka telah pun didedahkan tentang konsep dan kaedah kemahiran ini semasa menjalani latihan perguruan di maktab atau universiti ketika pengajian mereka dahulu. Ironinya, para guru perlu terus ditingkatkan keupayaan kemahiran berfikir mereka supaya mereka dapat memberikan pendidikan yang terbaik kepada para pelajar dalam pengajaran mereka [10, 63, 64].

Salah satu cara untuk membantu pelajar tentang apa dan mengapa mereka perlu berfikir, guru hendaklah menjadikan diri mereka sebagai model dengan menjalankan aktiviti berfikir di

dalam bilik darjah. Pengkaji lepas melihat kemahiran berfikir melibatkan penyertaan murid dalam proses pembelajaran yang berbentuk *hands on* dan *minds on* yang tidak pasif dan mendatar. Dengan menguasai pengetahuan kemahiran berfikir dapat membantu guru untuk membimbing pelajar supaya tidak melakukan kesilapan dalam berfikir. Pelajar yang sering melakukan kesilapan dalam berfikir akan kerap berfikir secara sempit, kabur, gopoh dan bercelaru.

Oleh yang demikian, pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi berkenaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan aspek utama perlu dititikberatkan oleh guru terhadap penerapan kemahiran berfikir dengan baiknya kepada para pelajar. Kepentingan kualiti pengetahuan guru merupakan bahagian yang paling utama dalam perancangan pendidikan seperti mana ungkapan Tan Sri Murad Mohamad Nor *“The most important part in the implementation of any plan, is the teachers. However good the plan is, it will be of no use if the teachers do not implement it well”*

Bagi menjayakan hasrat pelaksanaan penerapan kemahiran berfikir ini kesediaan guru merupakan aspek penting terhadap penentuan kejayaan dan kegagalan pelaksanaan perubahan kurikulum. Kesediaan ini meliputi bahan pengajaran, isi kandungan, pengetahuan yang luas dalam pedagogi dan juga kemahiran dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh yang demikian, kajian ini akan berfokuskan kepada mengenalpasti tahap kesediaan terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di kalangan guru-guru Pendidikan Islam di daerah Seri Kembangan yang meliputi aspek pengetahuan dan kemahiran. Menerusi kajian ini diharapkan menjadi panduan kepada guru Pendidikan Islam yang lain dalam usaha meningkatkan kemahiran terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) sewaktu proses pengajaran Pendidikan Islam.

3.0 METODOLOGI

3.1 Reka Bentuk Kajian dan Sampel kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama bagi menjawab persoalan kajian. Menurut pengkaji lepas, kaedah tinjauan adalah sesuai untuk mengukur pandangan responden terhadap sesuatu isu atau topik, pencapaian matlamat sesuatu program serta sikap dan tingkahlaku responden. Soal selidik ini dikendalikan secara pentadbiran sendiri oleh penyelidik. Guru-guru diberi masa yang mencukupi untuk menjawab semua soalan dalam soal selidik tersebut. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan persampelan rawak mudah yang melibatkan guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah rendah di daerah Seri Kembangan. Daerah Seri Kembangan mempunyai 9 buah sekolah rendah. Memandangkan bilangannya kecil, penyelidik menetapkan untuk menggunakan populasi dalam kajian ini.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang terdiri daripada 25 item yang diukur dengan menggunakan skala likert 5 mata yang terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Item-item yang digunakan di dalam soal selidik ini telah diadaptasikan daripada kajian Normee [63], Norliyen Ahmad [64] dan Mohd Norsham [56]. Bahagian A mengandungi 5 item tentang profil demografi responden, manakala Bahagian B pula mengandungi 8 item tentang pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran dan Bahagian C pula mengandungi 12 item tentang kemahiran guru terhadap

penerapan KBAT. Data dan maklumat yang diperolehi daripada responden melalui soal selidik ini dianalisis secara kuantitatif.

Selain itu, dua kajian rintis (rintis I dan rintis II) telah dijalankan ke atas 15 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah rendah di daerah Hulu Langat, Selangor bagi menentukan kebolehtadbiran dan mendapatkan indeks kebolehppercayaan soal selidik. Secara keseluruhan indeks kebolehppercayaan yang diperolehi adalah 0.64 bagi kajian rintis 1 dan 0.85 bagi kajian rintis 2. Indeks kebolehppercayaan kajian ini dianggap memuaskan dan diterima menurut pendapat Hair et al [31] dan Mohd Majid [57].

3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sembilan buah sekolah rendah di daerah Seri Kembangan, Selangor. Lokasi kajian ini dipilih memandangkan kajian berkenaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) masih belum dijalankan di kawasan ini dan kajian berkenaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini masih baharu di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini secara tidak langsung mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian berkenaan kesediaan guru khususnya guru Pendidikan Islam berkaitan dengan kemahiran berfikir aras tinggi di peringkat sekolah rendah. Selain itu, lokasi kajian ini dipilih kerana memudahkan penyelidik untuk menjalankan tinjauan terhadap semua sekolah yang terlibat dengan kos yang lebih rendah selain menjimatkan masa penyelidik memandangkan kawasan di sekitar Seri Kembangan Selangor adalah lebih dekat dan mudah untuk dikunjungi berbanding daerah-daerah lain.

3.4 Penganalisisan Data Kajian

Data yang diperolehi melalui kajian ini dianalisis menggunakan program *SPSS Windows (Version 22.0)*. Data-data yang telah dipungut daripada borang soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif bagi mendapatkan peratusan dan frekuensi. Menurut Mohd Majid [57], analisis data menggunakan perisian pengatur cara SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat. Statistik deskriptif digunakan untuk melihat tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap penerapan KBAT dalam matapelajaran Pendidikan Islam.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Analisis Profil Responden

Taburan sampel kajian ini terdiri daripada 37 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di daerah Seri Kembangan Selangor. Analisis latar belakang guru tertumpu kepada maklumat demografi responden. Dapatan tentang profil responden ditunjukkan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Profil Responden Kajian

Demografi	Kategori Responden	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	14	37.8%
	Perempuan	23	62.2%
Pengalaman	Kurang 5 tahun	8	21.6%
	Lebih 5 tahun	29	78.4%
Taraf Akademik	Bukan siswazah	11	29.7%
	Siswazah	26	70.3%

Responden kajian adalah terdiri daripada 14 orang (37.8%) guru lelaki dan 23 orang (62.2%) guru perempuan. Manakala dari aspek pengalaman mengajar guru pula seramai 8 orang(21.6%) mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 5 tahun dan 29 orang(78.4%) guru Pendidikan Islam mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun. Dari aspek taraf akademik pula, seramai 11 orang guru (29.7%) adalah terdiri daripada guru bukan siswazah yang mempunyai kelulusan akademik taraf sijil perguruan dan diploma. Manakala seramai 26 orang guru (70.3%) adalah terdiri daripada guru siswazah yang mempunyai taraf akademik sarjana muda dan sarjana. Secara keseluruhannya, dalam kajian yang dilaksanakan ini guru perempuan adalah lebih ramai berbanding dengan guru lelaki.

4.2 Analisis Deskriptif

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian, iaitu tahap kesediaan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Laporan analisis keputusan dipaparkan dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

4.3 Tahap Kesediaan Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan KBAT

Berdasarkan Jadual 2 ,secara keseluruhannya, tahap pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah berada di tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 3 hingga 4 seperti yang dipaparkan pada Jadual 2. Bagaimanapun, terdapat dua item min tahap pengetahuan terendah yang kedua-duanya 3.81 dan 3.97 dengan sisihan piawai masing-masing 0.78 dan 0.55. Namun, kedua-dua item pengetahuan ini tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dan ianya masih berada di tahap tinggi berdasarkan min skor Jamil [36].

Jadual 2: Tahap kesediaan pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

Bil	Item Pengetahuan	Min	Sisihan piawai	Interp.
1	kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif adalah sebahagian daripada KBAT	4.03	0.55	Tinggi
2	kemahiran mengingat merupakan komponen aras rendah dalam Taksonomi Bloom	3.81	0.78	Tinggi
3	kemahiran berfikir aras tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan sesuatu masalah	4.22	0.71	Tinggi
4	kegiatan memberi penjelasan adalah konsep KBAT	3.97	0.55	Tinggi
5	kata kunci bagi aras menganalisis adalah membandingkan	4.00	0.67	Tinggi
6	ciri-ciri berfikir logik dan metakognitif adalah kemahiran berfikir aras tinggi	4.22	0.71	Tinggi
7	kepentingan berfikir aras tinggi menggalakkan kajian pada masa hadapan	4.00	0.55	Tinggi
8	kemahiran berfikir aras tinggi amat perlu bagi membantu pelajar menghadapi cabaran abad ke-21	4.05	0.78	Tinggi
	Keseluruhan	4.04	0.71	Tinggi

4.4 Tahap Kesiediaan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan KBAT

Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhannya menunjukkan setiap item dalam kesiediaan guru-guru Pendidikan Islam menerapkan KBAT dari segi kemahiran berada pada tahap tinggi dengan skor min keseluruhan 3 hingga 4 seperti yang dipaparkan pada Jadual 3. Bagaimanapun, terdapat dua item min tahap kemahiran terendah yang kedua-duanya 3.81 dan 3.97 dengan sisihan piawai masing-masing 0.52 dan 0.55. Namun, kedua-dua item kemahiran ini tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dan ianya masih berada di tahap tinggi berdasarkan min skor Jamil [36].

Jadual 3: Tahap kesiediaan kemahiran guru-guru Pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)

No	Kemahiran	Min	Sisihan piawai	Interp.
1	berupaya menerangkan soalan-soalan yang sukar dengan baik	3.81	0.52	Tinggi
2	menerangkan contoh-contoh yang sesuai dengan kehidupan seharian	3.97	0.55	Tinggi
3	mengambil kira tahap kebolehan pelajar sebelum menerapkan kemahiran berfikir yang sukar	4.16	0.69	Tinggi
4	berupaya mengemukakan soalan-soalan yang menggalakkan pelajar berfikir	4.05	0.52	Tinggi
5	mengambil kira perkaitan antara topik yang diajar dengan topik yang lepas	4.08	0.68	Tinggi
6	menggalakkan pelajar mendengar dan mempertimbangkan idea rakan-rakan mereka	4.24	0.64	Tinggi
7	menggalakkan pelajar untuk membuat keputusan sendiri	4.19	0.57	Tinggi
8	memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk memberikan sumbang saran semasa perbincangan	4.22	0.67	Tinggi
9	menyusun atur bilik darjah untuk menggalakkan interaksi berpasangan, kumpulan dan interaksi seluruh kelas	4.11	0.61	Tinggi
10	memberikan contoh-contoh ilustrasi (seperti pengurusan grafik, peta minda, teknologi komputer dll) dan analogi untuk merangsang kemahiran berfikir pelajar	4.11	0.61	Tinggi
11	menggalakkan pelajar untuk menilai kemunasabahan atau kewajaran sesuatu perkara yang dibincangkan	4.11	0.61	Tinggi
12	melibatkan pelajar dengan projek supaya mereka bekerjasama dalam satu kumpulan	4.00	0.62	Tinggi
Keseluruhan		4.09	0.43	Tinggi

5.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

5.1 Tahap Kesiediaan Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan KBAT

Kajian ini memberi gambaran yang jelas sejauh mana tahap kesiediaan pengetahuan dan kemahiran terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di kalangan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi mendapati kesiediaan pengetahuan dan kemahiran guru terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di kalangan guru-guru Pendidikan Islam kedua-duanya adalah berada pada tahap yang tinggi. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam mempunyai pengetahuan di tahap tinggi terhadap aplikasi Taksonomi Bloom dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dan mempunyai persamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Rosnani [82], Puspha Rani [67], Cachia dan Ferrari [19] yang menunjukkan tahap kesiediaan guru terhadap penerapan KBAT turut berada di tahap tinggi.

Daripada dapatan kajian yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa guru-guru mengetahui istilah, konsep dan definisi mengenai kemahiran berfikir kritis serta mempunyai persepsi yang positif terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Innabi [35], Scriven dan Paul [84] dan Stapleton [94] yang mendapati tahap pengetahuan guru terhadap pemikiran kritis adalah rendah kerana guru-guru yang dikajinya tidak mempunyai konsep yang komprehensif mengenai maksud pemikiran kritis. Daripada dapatan kajian yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa guru-guru mengetahui istilah, konsep dan definisi mengenai kemahiran berfikir kritis, namun guru-guru cenderung mempunyai kefahaman yang sempit. Terdapat beberapa kekangan yang menyebabkan guru-guru kurang mempraktikkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran. Antaranya ialah kekangan masa, kesibukan guru dengan pelbagai tugas dan aktiviti serta fokus guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran [56]. Bagaimanapun, isu kekangan masa dalam menerapkan kemahiran berfikir, pengkaji menyarankan bahawa aktiviti berfikir akan memberi kesan yang baik jika seseorang guru itu kreatif dengan melaksanakan kerja berkumpulan atau secara berpasangan walaupun ia mungkin satu tugas yang sukar dilaksanakan di dalam satu bilik kuliah yang besar tetapi sebenarnya berfikir secara berpasangan atau berkumpulan adalah satu aktiviti yang mudah dikawal, menjimatkan masa biarpun di dalam sebuah bilik darjah yang ramai bilangan muridnya. Pendapat ini disokong oleh pengkaji lepas dimana kerja secara kumpulan didapati berupaya membangunkan kemahiran berfikir termasuk perbincangan pelajar dan menangani isu kekangan masa.

5.2 Tahap Kesiediaan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan KBAT

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap kesiediaan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap penerapan KBAT berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, guru-guru Pendidikan Islam telah mempraktikkan kemahiran, unsur-unsur dan elemen-elemen KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dapatan dalam kajian ini dilihat hampir serupa dengan kajian McNeil dan Malkeet Singh [53], di mana mereka telah mencadangkan empat strategi yang boleh digunakan oleh guru sewaktu memperkenalkan kemahiran berfikir kritis kepada murid-murid ketika di dalam bilik darjah. Pertama, pembelajaran secara bebas menerusi penggunaan internet dengan murid-murid boleh terus membuat semakan sendiri dan seterusnya belajar secara bebas berdasarkan situasi sebenar dalam lingkungan kawasan mereka. Kedua, penguasaan yang baik dalam teknik soal jawab akan membantu murid-murid untuk menjadi seorang pemikir yang baik dan berjaya. Ketiga, membentuk kumpulan belajar dan membentangkan hasil penemuan mereka di hadapan bilik darjah. Akhir sekali, pengajaran perlulah berdasarkan pengalaman murid.

Dapatan kajian ini juga mendapati guru-guru Pendidikan Islam kurang kerap mengemukakan soalan-soalan yang sukar kepada para pelajar. Hal ini mungkin disebabkan oleh kebiasaan guru-guru mengemukakan soalan-soalan secara terus (direct) kepada para pelajar sebaik sahaja pengajaran sesuatu topik. Seharusnya guru-guru harus bersiap sedia lebih awal dengan merancang terlebih dahulu penyediaan soalan-soalan yang ingin dikemukakan kepada pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Seperti yang dinyatakan oleh Wilson [93], aras kognitif soalan memberi kesan ke atas tindak balas pelajar. Ini kerana kepelbagaian kognitif dalam jawapan pelajar sebahagian besarnya ditentukan oleh kepelbagaian kompleksiti soalan yang diberi. Pengkaji lepas menyatakan secara umumnya soalan pada aras mengecam dan mengingat yang mempunyai tahap kesukaran rendah mendapat jawapan pendek berbanding dengan soalan pada aras tinggi yang memerlukan pelajar memberikan pendapat dan inferensi. Kesiediaan guru dari aspek kemahiran ini boleh dipertingkatkan dengan guru mempelbagaikan teknik-teknik menjawab soalan dan latih tubi dengan menggunakan KBAT supaya merangsang

pelajar bergiat aktif dan berfikir aras tinggi. Hal ini bagi mengelakkan terdapat para pelajar yang pasif di dalam kelas. Ini disokong oleh kajian lepas bahawa guru boleh menggunakan pelbagai cara untuk dan teknik bagi membantu pelajar menguasai kemahiran berfikir. Antaranya ialah teknik ulangan, latih tubi, pelaksanaan kuiz dan sesi lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang sesuai. Bagaimanapun, ianya harus bersesuaian dan bergantung kepada sesuatu topik yang ingin diajarkan.

Hasil daripada dapatan kajian yang diperoleh terdapat beberapa implikasi daripada kajian yang dijalankan. Didapati tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam adalah pada tahap tinggi. Berikut adalah implikasi kajian yang dikenal pasti dan usaha yang boleh diambil antaranya pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum Sekolah perlulah meneliti dan menilai semula keperluan asas untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan cara meneliti bagaimana elemen-elemen seperti kemahiran mengingat, memahami, mengaplikasi, membanding, menganalisis dan menilai dapat diterapkan dalam pengajaran berdasarkan matlamat dan kandungan pelajaran Pendidikan Islam, keupayaan guru, kepelbagaian pelajar, prasarana sekolah dan bahan-bahan sokongan.

Selain itu, guru Pendidikan Islam perlulah dilengkapi dengan kemahiran bagaimana kemahiran berfikir dapat diterapkan secara berkesan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran. Ini kerana strategi pembelajaran yang berkesan akan mewujudkan kesedaran dan motivasi kepada pelajar-pelajar untuk meningkatkan pencapaian ke tahap yang lebih baik. Di samping itu pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlulah mengadakan lebih banyak kursus, seminar ataupun konvensyen bagi mendedahkan guru-guru kepada pelbagai teknik penerapan nilai berkaitan KBAT di samping membuat pemantauan mengenai pelaksanaan KBAT di dalam bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah. Masalah-masalah berkenaan KBAT perlulah diselidiki dan diperhalusi sehingga ke akar umbi. Apabila masalah yang menghalang penerapan KBAT di dalam bilik darjah diketahui maka proses penerapan KBAT di dalam bilik darjah akan menjadi lebih mudah dan peratusan pencapaian proses penerapan KBAT akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Peranan yang dimainkan oleh guru juga dilihat penting sebagai intipati dan penggerak utama di sebalik penerapan KBAT di sekolah-sekolah. Guru-guru perlu ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk menerapkan nilai KBAT kepada pelajar-pelajar. Jika kaedah pengajaran yang dijalankan adalah pasif dan tidak menggalakkan proses penerapan KBAT, maka segala usaha PPK, JPN dan PPD tidak akan mencapai maksud yang diinginkan oleh semua pihak. Justeru itu, matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang kreatif dan inovatif akan kesampaian tetapi perlu mengambil masa yang lama.

6.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, hasil kajian memperlihatkan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam menerapkan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi dan bersifat positif. Ini dapat dilihat daripada tahap kesediaan guru Pendidikan Islam yang baik dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Diharapkan maklumat daripada kajian ini dapat memberikan gambaran awal mengenai tahap kesediaan pengetahuan, dan kemahiran guru khususnya guru Pendidikan Islam di sekolah rendah terhadap penerapan kemahiran berfikir (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di daerah Seri Kembangan Selangor.

Kemahiran berfikir aras tinggi merupakan asas kepada proses pendidikan. Keupayaan seseorang guru melalui kesediaan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam mencorakkan gaya berfikir mempengaruhi kemahiran berfikir di kalangan para pelajar seterusnya menjamin keberkesanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru selaku jentera utama mengintegrasikan masyarakat yang berfikiran aras tinggi memerlukan guru itu sendiri kompeten menggunakan KBAT. Penglibatan intelektual di bilik darjah adalah tanggungjawab guru. Apabila guru melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi yang membantu murid membangunkan KBAT, guru berupaya secara langsung meningkatkan pencapaian murid. Di samping itu, pembangunan KBAT akan dapat memudahkan transisi pengetahuan dan kemahiran kepada tindakan yang bertanggungjawab dan fungsi tertentu mereka dalam masyarakat pada masa depan. Sesungguhnya keupayaan dan kewibawaan guru Pendidikan Islam akan terserlah bila mana guru Pendidikan Islam khususnya mampu memindahkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari kepada situasi-situasi yang memerlukan mereka mengaplikasikan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- [1] Abdul Ghani dan Norhashimi 1997. Sekolah Bestari dan Perspektif Islam dan Perisian Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Prosiding Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan Islam. Bangi: Maktab Perguruan Islam
- [2] Ahmad Nadri Mat Daud. 2001. Perbandingan pencapaian akademik dan status keluarga dengan motivasi dan pola personaliti pelajar. Projek Penyelidikan UKM Bangi.
- [3] Ainon Mohamad & Abdullah Hassan. 1994. Teknik Berfikir Konsep Dan Proses. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- [4] Allazi, K, F. 2008. Teachers' perception of critical thinking: A study of Jordanian secondary school social studies teachers. The Social Studies, November/December, 243-248
- [5] Arends, R. I 1994. Learning to Learn (3rd ed.) New York : Mc Graw-Hall, Inc
- [6] Atan Long. 1998. Pedagogi Kaedah Mengajar Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- [7] Anderson, J. R. 1983. The Architecture of Cognition. Cambridge, MA: Harvard University Press
- [8] Asmah @ Rajemah. 1998. Penggunaan KBKK dalam pengajaran guru di SRB (A) Kuching, Sarawak. Jurnal Penyelidikan Maktab Perguruan Batu Lintang 2: hlm 19-21
- [9] Azizi Yahya, Sharin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. 2007. Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Selangor. Pts Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- [10] Azman bin Mohamed Nor. 2000. Keberkesanan pendekatan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Satu kajian eksperimen di Sekolah Menengah Agama Naim Lil-banat Kota Bharu, Kelantan. Projek Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [11] Ball, S. 1977. Motivation & Achievement. New York: Academic Press

- [12] Beyer, L. 1991. Schooling, moral commitment , and the preparation of teachers. *Journal of Teacher Education* ,42(3):205-215
- [13] Bloom, B.& Krathwohl, D. R. 1956. *Taxonomy Of Educational Objectives, Handbook 1 : Cognitive Domain*. New York : David Mckay
- [14] Bahagian Pendidikan Guru. 1998. *Kemahiran berfikir Secara Kritis dan Kreatif*. Unit Kurikulum BPG. Kuala Lumpur.
- [15] Balakrishnan A/L.Govinthasamy.2002. *Penilaian pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam matapelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 4: satu kajian kes di daerah Tampin dan Rembau, Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [16] Broadbear, J. T. 2003. *Essential elements of lessons designed to promote critical thinking*. *Journal of Scholarship of Teaching and Learning*, 3(3),1-8
- [17] Brodie, P. & Irving, K.2007. *Assesment in work-based learning: Investigating a pedagogical approach to enhance student learning*. *Assesment & Evaluation in Higher Education*, 32(1),11-19
- [18] Chaffe, J. 1988. *Thinking critically*. Boston, MAS: Houghton Mifflin. Co.
- [19] Chacia, R. & Ferrari, A.2010. *Creativity in schools: a survey of teachers in Europe*. JRC Scientific and Technical Reports. Luxemborg: Publications Office of the European Union.
- [20] Chew Fong Peng, Shashipriya Nada.2014. *Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas di Sekolah Menengah*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBm (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 10-24
- [21] Chua, Y. P. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur : Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- [22] Creswell, J.W.2005. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Ed.ke-2. New Jersey : Pearson Merill Prentice Hall
- [23] Dawilah Al-Edrus, S. M. 1992. *Islamic epistemology :An introduction to the theory of knowledge in Al-Quran*. Cambridge, U.K.: Islamic Academy; and Penang: Universiti Sains Malaysia. (Esp.pp.44-49,93-108).
- [24] De Bono, E.1985. *De Bono’s thinking course*. London : BBC Books.
- [25] Department of Program Development and Alignment, The School Board of Broward Country, Florida,2000. Bloom’sTaxonomy.<http://www.nmu.edu/webb/archivedHTML/UPCED/mentoring/docs/teachingstrategies.pdf>{ 13 Oktober 2015}
- [26] Dewey, J. 1933. *How we think; A restatement of the relation of reflective thinking to the educative process*. Lexington: D.C. Health & Company.
- [27] Droba, D. D. 1993. *The nature of attitude*. *Journal of Social Psychology*,4:444-463

- [28] Ennis, R. 1991. Evaluating Critical Thinking. Los Angeles, CA: Critical Thinking Press & Software.
- [29] Gagne, R.M.1988.Some reflections of thinking skills. Instructional Sciences,17: 387-390
- [30] Gay, L.R.& Airasian, P. 2003. Educational Research.Ed.ke-7. New Jersey: Upper Saddle River, Pearson Merrill Prentice Hall.
- [31] Hair, J. F., Anderson, R.E., Tatham, R, L. & Black, W.C.1998. Multivariate Data Analysis.Edisi Kelima.New Jersey : Prentice Hall.
- [32] Hughin, B.B. Edelman.s .1988 Children's Self-Directed Critical Thinking.The Journal Of Educational Research.Vol 81:No 5.262-273
- [33] Ibrahim Hussin. 1993. Tugas dan tanggungjawab Seorang Guru. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan
- [34] Ismail Abbas. 2001. Kesan Kaedah Penyelesaian Masalah Pengajaran Akidah Terhadap Peningkatan Kemahiran Kritis Di Kalangan Pelajar Tingkatan 4. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- [35] Innabi, H. & Sheikh, O.E.2006.The change in mathematics teachers' perceptions of critical thinking after 15 years of educational reform in Jordan. Educational Studies in Mathematics; 64:45-68
- [36] Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah.:satu penilaian.Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [37] Jauharah Hj Tak. 1995. Penyelesaian Masalah dan Pemikiran Kreatif dalam Pendidikan.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustakan
- [38] Jun Xu. 2011. The application of critical thinking in teaching English reading. Theory and Practice in Language Studies, 1(2) :136-141
- [39] John Dewey. 1910. How We Think. New York City: D.C. Health & Co.,Publishers.<http://www.archive.org/details/howwethink000838mbp>{ 2 November 2014}
- [40] John Arul Phillips.1997. Pengajaran Kemahiran Berfikir. Teori Dan Amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- [41] Kamaruzaman Abdul Ghani, Khadijah Abd Razak dan Mohd Amin Embi. 2002. Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Sek. Men. Agama Negeri (SMAN) di Kelantan. Dlm Zuria Mahmud et. Al (pnyt) Prosiding Kebangsaan Profesion Perguruan 2002.Fakulti Pendidikan.UKM
- [42] Kamus Dewan.2005.Ed.ke-4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- [43] Kanik, F. 2010. An assessment of teachers' conceptions of critical thinking and practices for critical thinking development at seventh grade level. Tesis Ph.D. Middle East Technical University.

- [44] Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: KPM.
- [45] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran .Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.
- [46] Krejcie, R.V& Morgan, D.W.1979. Determining sample size for research activities. Educational and Psychology Measurement,(30):607-610
- [47] Khadijah Zon (1994). Falsafah Etika dan Amalan Pemikiran Reflektif Dalam Pendidikan Guru .Kertas Kerja subtema III: Pemikiran dan Amalan Pendidikan Guru).Prosiding Seminar JKLKAU KE-9:Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [48] Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. (2013-2025).2012.Putrajaya:Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [49] Madzanah Osman. 2002. Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah.Tesis Sarjana,Universiti Putra Malaysia
- [50] Maktab Perguruan Batu Lintang. 1995. Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) secara penyebatian dalam Pengajaran Pembelajaran Guru Pelatih di MPBL Semasa Praktikum 1. Maktab Perguruan Batu Lintang
- [51] Mayer R.E.1983.Implementation of a high school geography syllabus: issues and application. Educational Research, 27(1) :30-39
- [52] Marsh.C.J.1985.Implementation of a high school geography syllabus issue and application. Educational Research, 27(1): 30-39
- [53] McNeil, J. & Malkeet, S. 2002. Nurturing thinking skills.CDTL Brief Jurnal, 5(4):6-8
- [54] Merriam-Webster's Dictionary. 2003. Springfield : Mass
- [55] Mohd Nasir Omar. 1993. Kecemerlangan berfikir: konsep dan strategi latihan berfikir dalam perspektif Islam. Prosiding Konvensyen Antarabangsa Kecemerlangan Berfikir, hlm.57-62
- [56] Mohd Norsham Haji Abdul Ghani. 2014. Tahap pengetahuan dan sikap guru-guru Pendidikan Islam terhadap amalan penerapan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif di negara Brunei Darussalam. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan.UKM.
- [57] Mohd Majid Konting.2009. Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [58] Newman, F.M.1995.Higher Order Thinking in Teaching Social Studies: A rationale for the assessment of classroom thoughtfulness. Journal Of Curriculum Studies 22(1) :41-56
- [59] Nik Azis Nik Pa.1999.Potensi intelek. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [60] Noh. 2014. Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah.Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-10

- [61] Noraini Idris. 2010. Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- [63] Normee Abd Rahman. 2001. Kesiediaan Guru Dalam Pengajaran Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif Dalam Mata pelajaran Sains. Kertas Projek Sarjana. Fakulti Pendidikan.UKM
- [64] Norliyen Ahmad. 2006. Faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan kaedah kbkk dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru Pendidikan Islam dan bukan Pendidikan Islam. Kertas Projek Sarjana. Fakulti Pendidikan.UKM
- [65] Osborn, A. 1963. Applied Imagination. 3rd ed. New York, NY: Scribners
- [66] Pool C.R.1997.Maximizing Learning: A Conversation With Renate Nummela Caine. Educational Leadership. 54(6): 11-15
- [67] Pushpa Rani A/P M. Muthuvelu. 2006. Persepsi guru Sains terhadap pelaksanaan pengajaran KBKK di sekolah menengah. Projek Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [68] Phillips, J.A.1997. Pengajaran kemahiran berfikir: Teori dan amalan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [69] Pusat Perkembangan Kurikulum. 1993. Kemahiran berfikir: konsep, model dan strategi pengajaran dan pembelajaran (kertas penerangan). Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum
- [70] Rajendran, N. S. 2001. Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: kesiediaan guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar/Pameran Projek KBKK: Poster “Warisan-Pendidikan-Warisan” anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.1-2 Ogos 2001
- [71] Ramasamy Vasudevan.2005.ESL teachers’s perception and knowledge in the teaching of critical and creative thinking skills. Prosiding Seminar Penyelidikan dan Penilaian MPTAR, hlm.61-77
- [72] Rapih Jusoh. 2004. Kekangan-Kekangan Terhadap Penggunaan Alat Teknologi Pendidikan Di kalangan guru Sek. Men. Daerah Melaka Tengah.Kertas Projek Sarjana.Fakulti Pendidikan UKM.
- [73] Resnick, L.B. & Klopfer, L.E.1989.Towards The Thinking Curriculum: Current Cognitive Research.Alexandria, VA: Association for Supervision and Curriculum Development.
- [74] Rohani binti Aziz. 2011. Pengetahuan, sikap dan kemahiran ICT di kalangan guru-guru Matematik di sekolah menengah Negeri Pahang.Tesis sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [75] Rosnaini Mahmud. 2006. Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan,Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran.Shah Alam :Pusat Sumber Pendidikan Negeri Selangor dan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- [76] Rosnani Hashim. (2006) Keberkesanan Program Falsafah Untuk Kanak-kanak Terhadap Kemahiran Membaca dan Berfikir Kritis: Kajian Kes di Sebuah Sekolah Rendah .Jurnal Pendidikan Islam,Jilid 12 Bil 1,Julai,2006.
- [77] Robert, H. Ennis.1991. Critical Thinking and Problem Solving. Michigan: Lewis Publisher. Inc.
- [78] Rosnanaini Sulaiman. 2001.Pelaksanaan Strategi Pengajaran Kemahiran Berfikir Dalam Mata pelajaran Sejarah Di Peringkat Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah.UKM
- [79] Rosnaini Mahmud. 2006. Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan, Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Shah Alam: Pusat Sumber Pendidikan Negeri Selangor dan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [80] Rosnani Hashim. (2009).Menghidupkan semula pedagogi inkuiri falsafah di kalangan pendidik dan pelajar Islam. Jurnal Pendidikan Islam, 13(2). pp. 13-28.
- [81] Rosnani Hashim. (2012). Memenuhi aspirasi kemahiran berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyah dalam kalangan guru. Kertas kajian dibentangkan di Majlis Dekan Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru,7-9 Oktober 2012
- [82] Rosnani Hashim (2003). Malaysian teachers' attitude,competency and practices in the teaching of thinking .Intellectual Discourse,11(1):27-50
- [83] Sayid Qutb.1987. Fi Zhilal al-Quran. Beirut.Dar Al-Syuruq
- [84] Scriven, M., & Paul, R.2007.Defining critical thinking. The Critical Thinking Community : Foundation for Critical Thinking.http://www.criticalthinking.org/aboutCT/define_critical_thinking.cfm (10 Februari 2015)
- [85] Som Hj.Nor & Mohd Dahalan Mohd Ramli.2000.Kemahiran Berfikir Secara Kritis & Kreatif.Kuala Lumpur : Penerbitan Longman Sdn. Bhd.
- [86] Shamsina Shamsuddin. 2013. Penggubalan Item Ujian.Kuala Lumpur:Freemind Horizons Sdn Bhd.
- [87] Sharifah Alwiyah al-Sagof. 1986. Ilmu Pendidikan: Pedagogi.Kuala Lumpur : Heineman (Malaysia) Sdn Bhd.
- [88] Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran J-Qaf.Journal of Islamic and Arabic Education 2(2),53-64
- [89] Keperihalan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003.Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR/ KBSM.JAPIM.KPM
- [90] Sidek Baba. 1992. Keserasian Wawasan 2020 Dengan Nilai I- Nilai Islam.Kongres Menjelang Abad 21: Islam & Wawasan 2020.Pusat Dagangan Dunia Putra. Julai 1992.

- [91] Sparks, G. M.1988. Teachers' attitude towards change and subsequent improvements in classroom teaching. *Journal of Educational Psychology*.80(1).111-117
- [92] Suffian. 1993. Kemahiran berfikir. *Forum Penyelidikan Pendidikan*.1 :53-68
- [93] Spalding, E. & Wilson, A.2002. Demystifying reflection: a study of pedagogical strategies that encourage reflective journal writing. *Teachers College Record*. 104: 1393-1421
- [94] Stapleton, P. 2011. A survey of attitudes towards critical thinking among Hong Kong secondary schools teachers: Implications for policy change, *Thinking Skills and Creativity*.<https://librl.ied.edu.hk/pubdata/ir/link/pub/Thinking%20skills%20%and%20creativity.pdf>
- [95] Swartz, R.J. & Park, S.1994.*Infusing Critical and Creative Thinking Into Content Instruction*. Los Angeles, CA: Critical Thinking Press and Software.
- [96] Torff, B & Sessions, D.2006. Issues influencing teachers' beliefs about use of critical-thinking activities with low-advantage learners. *Teachers Education Quarterly*,77-91
- [97] Torff, B. 2005. Developmental changes in teacher's belief about critical thinking activities.*Journal of Educational Psychology*,97(1):13-22
- [98] Umaruddin, M. 1962.*The ethical philosophy of Al-Ghazali*. Aligarh: Aligarh Muslim University Press
- [99] Uma. 1992. *Research method for business : a skill building approach*.2nd Ed.New York : John Wiley & Sons.
- [100] Wan Fatimah. 2000. Tinjauan Pelaksanaan Penerapan KBKK Dalam Mata pelajaran Sains Oleh Guru-guru Sains Peringkat Menengah Rendah.Kertas Projek Sarjana.Fakulti Pendidikan UKM.
- [101] Wan Mohd Zahid Wan Nordin. 1990. Reformasi Pendidikan: Keperluan dan Matlamat.Seminar Pendidikan Kebangsaan Pemuda UMNO. 3-5 Jun.
- [102] Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1993. Wawasan pendidikan agenda pengisian. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- [103] Wan Yusof Wan Sulung. 2003. Penguasaan KBKK Di Kalangan Pelajar-Pelajar Pendidikan Islam Di SMK Puchong Perdana. Selangor. Kertas Projek Sarjana. Fakulti Pendidikan. UKM
- [104] Wiersma, William.2000. *Research Methods in Education: An introduction*.Ed.ke-6 Massachuttes: Allyn and Bacon
- [105] Yee Mei Heong, Widad Othman, Razali Hassan Dan Tee Tze Kiong.2010. Penggunaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Marzano Dalam Penjanaan Idea.